

19 MAR 1999

KURSUS UNTUK HADAPI PILIHAN RAYA BULAN DEPAN

IPOH, 19 Mac (Bernama) -- Umno Perak akan mengadakan kursus khas untuk menghadapi pilihan raya awal bulan depan bermula dengan kursus untuk Pemuda dan Wanita di peringkat negeri.

Kursus sehari yang dinamakan Gerak-Persediaan Pilihan raya itu akan turut diadakan di peringkat bahagian dan cawangan sebagai langkah memperkukuhkan jentera pilihan raya parti, kata Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib selepas mempengerusikan mesyuarat Umno Perak di sini hari ini.

Ramli, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, berkata mesyuarat itu juga turut merangka program untuk lawatan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Perak pada 29 April dan 30 April depan.

Antara program yang dirancang adalah pertemuan dengan barisan pemimpin Barisan Nasional peringkat negeri serta majlis beramah mesra dengan orang ramai.

Katanya sebuah kampung di Perak akan dipilih untuk Perdana Menteri mengadakan tinjauan di samping menyampaikan ucapan mengenai isu-isu semasa.

Beliau berkata persediaan yang dibuat serta kedatangan Perdana Menteri juga diharap dapat mengukuhkan perpaduan parti bagi menghadapi tohmahan dan kecaman parti pembangkang yang semakin memuncak akhir-akhir ini.

-- BERNAMA

HJ AKD